



BIDANG KUASA MAHKAMAH PERSEKUTUAN

PENGENALAN

Mahkamah Agung telah ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mahkamah Agung digantikan dengan Mahkamah Persekutuan dan tiga Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Tinggi Singapura dan Mahkamah Tinggi Borneo.

Pada 1 Januari 1985, Mahkamah Persekutuan telah dinamakan semula sebagai Mahkamah Agung oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983. Selari dengan pindaan tersebut, Artikel 131 yang membenarkan rayuan daripada Mahkamah Persekutuan untuk dirujuk ke Majlis Privy telah dimansuhkan.

Pada tahun 1994, Mahkamah Agung bertukar semula kepada nama Mahkamah Persekutuan melalui pindaan yang dibuat pada Perlembagaan Persekutuan pada 24 Jun 1994. Gelaran Lord President juga diubah menjadi Ketua Hakim Negara

BIDANG KUASA ASAL

Menentukan (a) kesahihan sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan sesuatu negeri; (b) Pertikaian atas apa-apa soal lain antara Negeri dengan Negeri atau antara Persekutuan dengan mana-mana Negeri

BIDANG KUASA RAYUAN

Mendengar rayuan dari Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi

BIDANG KUASA PENYEMAKAN

Memutuskan apa-apa soal berbangkit di Mahkamah kesan daripada mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan

BIDANG KUASA PENASIHAT

YDPA boleh merujuk kepada Mahkamah persekutuan untuk pendapat atau nasihat mengenai kesan peruntukan Perlembagaan dan mengumumkan pendapatnya di Mahkamah Terbuka

